

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : SOALAN LISAN**  
**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS**  
**KAWASAN : SEPANGGAR**  
**TARIKH BAHAS : 19.03.18**  
**NO. SOALAN : 19**

**DATUK JUMAT BIN IDRIS** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) berapakah jumlah pelaburan asing di negeri Sabah pada tahun 2017 sehingga kini; dan
- b) apakah perancangan Kerajaan untuk menambah lagi bilangan pelaburan asing di negeri ini pada masa hadapan.

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2017, jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan yang telah diluluskan bagi Negeri Sabah adalah sebanyak 14 projek dengan nilai RM785 juta dan akan menjana 827 peluang pekerjaan. Daripada 14 projek ini, enam projek melibatkan pelaburan asing yang berjumlah RM45 juta.

Dalam usaha menambah lagi bilangan pelaburan asing di negeri Sabah pada masa hadapan, pelbagai inisiatif telah dan sedang diambil oleh Kerajaan. Projek-projek infrastruktur berimpak tinggi yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) dan sedang dilaksanakan di Sabah merupakan salah satu usaha Kerajaan membangunkan negeri Sabah dan seterusnya menarik pelaburan luar. Projek-projek ini termasuklah Lebuhraya Pan Borneo, penaiktarafan Pelabuhan Sepanggar sebagai hab *transshipment*, pembangunan tambahan *Lahad Datu Palm Oil Industrial Cluster* (POIC Lahad Datu) serta perancangan untuk membangunkan hab logistik di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).

Projek-projek ini dijangka membawa transformasi ekonomi negeri Sabah dan meningkatkan minat para pelabur asing untuk melabur di Sabah dengan adanya infrastruktur dan sistem logistik yang lengkap.

Selain itu, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang dilancarkan pada tahun 2008 juga aktif mempromosi aktiviti ekonomi bernilai tinggi seperti minyak dan gas di Sipitang, minyak sawit di Lahad Datu, pelancongan di Kota Kinabalu dan Kluster Bersepadu Marin di Semporna. Bagi menarik pelaburan asing, tawaran insentif termasuk pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan berkanun sehingga 10 tahun, elaun cukai pelaburan sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak selama lima tahun dan pengecualian sepenuhnya duti import dan pengecualian cukai jualan, tertakluk kepada dasar semasa, ditawarkan kepada pelabur.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) turut giat melaksanakan pelbagai strategi atau inisiatif bagi melonjakkan ekonomi negara untuk menarik lebih ramai pelabur asing memilih Malaysia, termasuk ke negeri Sabah sebagai destinasi utama pelaburan mereka. Antaranya adalah:

- Menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara;
- Meliberalisasikan sub-sektor perkhidmatan secara progresif bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan;
- Memastikan penyelarasan yang cekap dan efisien antara semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi melalui penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama YB Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU;

- Menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan yang diketuai oleh YB Menteri MITI bertujuan untuk menyebarkan dan memaklumkan kepada bakal pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan melalui pendekatan ekosistem;
- Menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi, iaitu projek-projek yang berteknologi tinggi, nilai ditambah yang tinggi, berintensifkan pengetahuan, kemahiran intensif, berorientasikan eksport, berintensif modal, reka bentuk dan penyelidikan dan pembangunan serta projek-projek yang melengkapkan ekosistem industri tempatan;
- Membangunkan ekosistem rangkaian bekalan tempatan MIDA turut giat menganjurkan, dengan izin, '*Supplier Conference Seminar*' yang bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem rangkaian bekalan di antara syarikat tempatan dan syarikat multinasional agar syarikat-syarikat tempatan terus mendapat peluang perniagaan dan pembekalan daripada projek-projek pelaburan syarikat-syarikat multinasional;

- Menawarkan insentif galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal secara selektif dalam mempromosikan industri strategik melalui RMK11, iaitu tiga subsektor pemangkin (kimia, elektrik dan elektronik serta mesin dan peralatan), dan dua sektor berpotensi tinggi (peranti perubatan dan aeroangkasa). Di samping itu juga, tawaran insentif turut dilanjutkan untuk sektor sasaran iaitu sektor industri baru muncul (*emerging industry*) dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber alternatif, '*advanced electronics*', bioteknologi, fotonik, petrokimia dan sektor perkhidmatan seperti hub prinsipal, penyelidikan dan pembangunan dan teknologi komunikasi dan maklumat; dan
- Menganjurkan sesi dialog secara kerap di antara Kerajaan dengan Dewan Perdagangan / Perniagaan Asing (*foreign business chambers*), Kedutaan / Pesuruhjaya Tinggi dan persatuan-persatuan industri bagi mencari penyelesaian kepada cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelabur asing dalam melaksanakan projek-projek mereka.

Kerajaan terus komited dalam usaha menggalakkan kemasukan pelabur ke Malaysia, termasuk negeri Sabah bagi memastikan negara kekal sebagai destinasi utama pilihan pelabur dan seterusnya mencapai sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM291 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.